

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 September 2015

Pendirian Selatan-Selatan



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa negara Kerjasama Selatan-Selatan mencari pendirian bersama bagi merealisasikan secara konstruktif pelaksanaan Agenda Pembangunan Pasca 2015 yang telah dimuktamadkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata, jika kedudukan itu dapat dicapai, Kerjasama Selatan-Selatan akan memberikan haluan yang bermakna kepada negara-negara membangun untuk didengari dalam mereka berurusan dengan organisasi antarabangsa, termasuk PBB dan agensi-agensinya.

Dalam ucapannya pada mesyuarat meja bulat peringkat tinggi mengenai Kerjasama Selatan-Selatan yang dipengerusikan oleh Presiden China, Xi Jinping di ibu pejabat PBB di sini semalam, Najib memetik serangkap pepatah Cina yang berbunyi: "Apabila orang bekerja dengan satu minda, mereka mampu gerakkan Gunung Tai."

Gunung Tai merupakan sebuah gunung bersejarah yang dianggap suci setinggi 1,500 meter di wilayah Shandong di timur China dan menjadi simbol semangat waja.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Jinping itu dihadiri kira-kira 20 orang ketua negara dan kerajaan negara Kerjasama Selatan-Selatan yang mewakili blok negara-negara membangun. Ia turut dihadiri oleh Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon.

Najib menegaskan, melalui perpaduan dan dengan satu suara ber-



sama, negara Selatan-Selatan boleh menjadi satu kekuatan di semua forum pelbagai hala serta menyediakan diagnosis yang mendalam dan tepat berhubung isu-isu yang dihadapi oleh negara membangun.

"Kita di Malaysia, sebagai contoh, percaya bahawa Kerjasama Selatan-Selatan akan membantu mengukuhkan daya bingkis golongan miskin dan rentan, terutamanya di negara-negara yang mundur, nega-

ra membangun yang tidak berpan-tai dan negara pulau kecil.

"Mereka memerlukan bantuan dalam mengurangkan pendedahan kepada kejutan semula jadi berkaitan iklim dan ekonomi.

"Atas sebab itulah kerajaan saya menubuhkan Dana Amanah Kerjasama Malaysia-UNESCO dalam usaha untuk mengembangkan kapasiti bidang pendidikan dan sains di negara-negara tersebut," katanya.

"Ketika semua ini akan diubah pada kuran ke-21, adalah penting bahawa suara Selatan - yang tidak pernah didengari serta-merta selepas Perang Dunia Kedua, kerana banyak negara belum lagi merdeka - mendapat sokongan yang sewajarnya," kata beliau.

Menurut Najib, Matlamat Pembangunan Mapan PBB dengan 17 objektif dan 169 sasaran spesifik yang dimuktamadkan pada sidang kemuncak di New York minggu ini akan mengemudi dunia ke tahun 2030.

"Apa bentuk dunia pada masa itu, ia tidak dapat dipastikan sepenuhnya. Apa yang kita tahu, bagaimanapun, ialah negara-negara Selatan akan terus naik menjangkau, dan akan muncul banyak cabaran dasar-dasar yang sifatnya akan menjadi rentas sempadan, malah rentas benua," kata Najib.

Dalam sidang kemuncak selama tiga hari yang diadakan sejak Jumaat lalu, sebanyak 193 buah negara anggota PBB meratifikasi Agenda 2030 bagi Pembangunan Mapan untuk menyediakan siri tindakan global ke arah menghapuskan kemiskinan ekstrem, ketidak-samaan gender dan mengurangkan impak perubahan iklim menjelang tahun 2030.

Najib berkata, adalah menjadi kepentingan dunia untuk mengukuhkan Kerjasama Selatan-Selatan dan bekerja sebagai satu pasukan dengan negara-negara PBB lain dalam menjadikan Matlamat Pembangunan Mapan itu suatu kejayaan.

Katanya: "Kita memikul tanggungjawab yang besar untuk bertindak demi rakyat kita dan generasi akan datang."

Sementara itu, dalam rangka latihan kerjanya yang padat di PBB semalam, Perdana Menteri juga mengadakan mesyuarat bilateral dengan Presiden Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov. - UTUSAN